

# Nilai semula keputusan G-7

*Foreign trips BH 14/5/93*  
TOKYO, Khamis — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa pemimpin negara maju anggota Kumpulan Tujuh (G-7) memikirkan kesan daripada sebarang keputusan yang dicapai dalam sidang puncak mereka kepada negara lain, terutama yang kecil.

"Pesanan saya kepada G-7 ialah janganlah hanya memandang diri anda sendiri. Fikirkan sama negara lain di dunia kerana apa yang anda putuskan akan turut menjejaskan kami," kata Perdana Menteri.

Beliau memberi contoh apabila pemimpin G-7 memutuskan untuk mengimbangi dagangan di antara Jepun dan Amerika Syarikat, mereka mencapai persetujuan untuk menilai semula mata wang Yen berikutan harga barangan Jepun terlalu mahal untuk dijual di Amerika.

"Dengan serta-merta penilaian semula itu turut menilai semula Yen yang kami pinjam. Kadarnya meningkat seratus peratus berbanding Ringgit Malaysia.

"Kami terpaksa mencari dua kali ganda jumlah itu untuk membayar balik pinjaman yang sudahpun meninekat.

"Ini kerana apabila mereka menilai semula Yen, mereka tidak mengambil peduli apakah kesannya kepada negara kecil seperti Malaysia," katanya.

Dr Mahathir menyatakan demikian apabila ditanya apakah pesanannya kepada pemimpin G-7 yang akan mengadakan sidang puncak di bandaraya itu Julai depan.

Sesi soal jawab dengan peserta seminar mengenai 'Peranan Asia Dalam Perubahan Orde Dunia' berlangsung selepas be-

liau menyampaikan ucapan dasar bertajuk 'Perdagangan Dunia: GATT, Kumpulan dan Pertumbuhan' di sini, petang ini.

Perdana Menteri berkata, negara lain yang meminjam dan membeli barangan dari Jepun turut terjejas dengan keputusan G-7 itu.

"Tidak mengapa jika Malaysia dan Indonesia membuat sebarang keputusan kerana ia hanya memberi kesan kepada kami.

"Tetapi jika G-7 mengambil keputusan terhadap apa saja, malah menu (makanan) mereka, ia akan menjejaskan kita," ujarnya disambut tepukan gemuruh kira-kira 1,000 peserta dan wartawan yang menghadiri persidangan itu.

Dr Mahathir juga ditanya apakah harapannya

Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) akan menjadi kenyataan berikutan beberapa perubahan yang berlaku sejak cadangan itu dikemukakan, termasuk pertukaran pentadbiran di Amerika.

"Saya berpendapat harapan adalah lebih cerah sekarang berbanding dulu. Halangan utama sebelum ini ialah Kerajaan Amerika Svarikat pimpinan Bush.

"(Presiden) Clinton belum membuat sebarang pengumuman mengenai ini (sama ada menyokong atau membantah perubahan EAEC).

"Selagi dia masih menutup mulut, kita boleh menaruh harapan.

"Tetapi saya berharap apabila dia membuka mulutnya dia akan menyokong penubuhan EAEC. Saya hanya boleh berdoa dan menaruh harapan," tambahnya.